

25 AUG 2002

Mahathir-Cuaca

MALAYSIA FAHAMI MASALAH INDONESIA KAWAL JEREBU

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia memahami masalah yang dihadapi oleh Indonesia dalam usaha negara itu menangani jerebu.

Dr Mahathir berkata oleh itu Malaysia kini berusaha mencari jalan bagaimana hendak menghalang kehadiran jerebu ke sini serta mengkaji kemungkinan melakukan pembenihan awan atau lebih dikenali sebagai hujan tiruan.

"Tapi jerebu sekarang dah agak kurang dah, semalam hujan," katanya pada persidangan media selepas merasmikan sambutan Hari Wanita 2002 yang bertema "Nur: Memupuk Generasi Berilmu" di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa diminta mengulas keadaan jerebu di negara ini sejak kebelakangan ini akibat pembakaran di wilayah-wilayah di Indonesia.

Pembakaran hutan merupakan punca utama keadaan jerebu di Malaysia dengan Sarawak menjadi kawasan paling serius dilanda masalah itu.

Sehingga kini banyak penerbangan di wilayah Kalimantan dan Sumatera terpaksa dibatalkan atau dijadual semula akibat masalah itu.

Rabu lepas, Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding berkata keadaan jerebu di negara ini masih terkawal dengan hanya satu kawasan di Sarawak diklasifikasikan sebagai tidak sihat.

Katanya beliau sudah menulis surat kepada rakan sejawatannya di Indonesia meminta supaya negara itu mengambil tindakan segera mengawal jerebu.

-- BERNAMA

AZH HK AZZ LAT